

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL MODUL 2 (BASIC ENGINEERING PRINCIPLE) KURSUS BOMBA PENINGKATAN KELAS II SIRI 23/19

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4614-majlis-penyampaian-sijil-modul-2-basic-engineering-principle-kursus-bomba-peningkatan-kelas-ii-siri-23-19

PEKAN, 5 Mac 19 - Majlis Penyampaian Sijil Modul 2 ‘Basic Engineering Principles’ bagi Kursus ‘Fire Safety Technician’ (FSTC) Siri 23/19 telah disempurnakan oleh Pengarah Kolej Komuniti Cawangan Pekan, Tuan Hj Dusuki bin Ahmed bertempat di Ruang Legar kolej.

Kursus yang diadakan bermula 11 Feb 19 hingga 5 Mac 19 telah disertai oleh 20 orang peserta. Pelaksanaan ini adalah kerjasama kali kedua di antara TUDM dan pihak Kolej Komuniti bagi mencapai objektif modul iaitu untuk memberi ilmu Asas Pendawaian Elektrik/Elektronik dan Asas Sistem Injin Kenderaan.

Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Komandan INSPRA, Lt Kol Hj Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM, Ketua Sekolah Bomba dan Menyelamat INSPRA, Lt Kol Samsol Bahari bin Mohd Hashim TUDM, pegawai dan pensyarah serta peserta kursus.

